

→ AGAMA

PERKAHWINAN BAWAH UMUR

Pastikan hak, keadilan kanak-kanak tak diabaikan

Perkahwinan membabitkan kanak-kanak di bawah umur menjadi polemik yang sangat besar, walaupun ia bukan fenomena baharu. Namun, melihat kepada kebajikan dan implikasi terhadap kanak-kanak yang berkahwin pada usia terlalu muda mencetuskan bantahan supaya perkahwinan terbabit tidak dibenarkan.

Wujud juga desakan supaya had usia dinaikkan, terutama terhadap wanita kepada 18 tahun sama seperti lelaki. Kini menurut undang-undang di bawah enakmen syariah yang terpakai di kebanyakan negeri, usia minimum perkahwinan bagi lelaki ialah 18 tahun, manakala wanita pula 16 tahun.

Profesor Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal, berkata walaupun dari segi hukum, perkahwinan kanak-kanak ini sah, ia boleh menjurus kepada haram sekiranya tidak menepati syarak.

"Menurut Imam Syafie, hukum harus berkahwin untuk seseorang yang mampu, tetapi tidak mahu berkahwin. Dalam konteks kanak-kanak, mereka tidak mampu fizikal dan kewangan, maka tidak harus berkahwin.

"Imam Nawawi menggalakkan perkahwinan untuk mengelak berlaku dosa ketika mereka kelapangan. Namun, bagi kanak-kanak normal, mereka bermain dan beriadah serta tidak berfikir mengenai seks seperti orang dewasa.

"Jelas perkahwinan kanak-kanak tidak memenuhi pandangan

Komentari



Mohd Aizat Shamsuddin

mohdaizat@bh.com.my

ulama. Ulama menjelaskan hukum perkahwinan untuk mencapai maqasid perkahwinan dalam Islam yang mementingkan kasih sayang dan cinta di antara lelaki dan wanita yang sebenarnya gagal dicapai dalam perkahwinan kanak-kanak," katanya ketika membentangkan Perkahwinan Kanak-Kanak di Malaysia di Muzaqarah Fiqh dan Seminar Antarabangsa Fiqh 2018 di Institut Sosial Malaysia, Kuala Lumpur.

Perkara remeh

Noor Aziah berkata, prosedur operasi standard (SOP) membabitkan permohonan perkahwinan bawah umur perlu diperkemas di bawah Mahkamah Syariah untuk memastikan hak dan keadilan terhadap kanak-kanak tidak diabaikan.

"Ada hakim syarie yang menganggap perkahwinan bawah umur ini sebagai perkara remeh dan kecil seterusnya mewakili kuasa mereka kepada pegawai

mahkamah lain. Ini menyebabkan permohonan menjadi lebih mudah dan cepat diproses.

"SOP membabitkan permohonan perkahwinan bawah umur di mahkamah syariah harus diperkemas. SOP diluluskan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) hendaklah digunakan menerusi arahan Ketua Hakim.

"Selain itu, satu jawatankuasa khas perlu ditubuhkan bagi menyelaraskan umur minimum perkahwinan bagi orang Islam dan bukan Islam," katanya.

Menurut JKSM, ada 6,584 kes perkahwinan kanak-kanak dari 2011 hingga Oktober 2016. Malah, pada masa sama, perceraian yang dicatatkan membabitkan perkahwinan bawah umur 18 tahun ialah 2,479 kes perceraian.

Noor Aziah berkata, melihat kepada statistik itu, perkahwinan membabitkan kanak-kanak bawah umur perlu diberi perhatian.

Katanya, perkahwinan pada usia muda ini bukan sahaja terdedah kepada perceraian, tetapi juga boleh dilihat kepada pencabulan hak asasi kanak-kanak.

"Malaysia antara negara yang menandatangani Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) pada 1995. Walaupun perkahwinan kanak-kanak tidak disebut secara jelas dalam CRC, ada beberapa artikel berkaitan yang boleh dikaitkan secara langsung antaranya kanak-kanak tidak boleh didiskriminasikan atas sebab agama, jantina, etnik atau tempat kelahiran. Malah dalam semua tindakan, kepentingan kanak-kanak mesti diutamakan," katanya.

Tidak mudah lulus

Sementara itu, Ketua Hakim Syarie Selangor, Mohammad Adib Husain, berkata selepas pelbagai polemik berlaku membabitkan perkahwinan kanak-kanak bawah umur menyebabkan perbincangan meja bulat dilakukan dengan pelbagai pihak untuk mencari penyelesaian.

"Kami mengambil kira pandangan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Kesihatan untuk membantu mahkamah syariah membabitkan isu perkahwinan bawah umur, khususnya memastikan permohonan tidak mudah untuk diluluskan," katanya.

Beliau berkata, antara maklum balas yang diberikan ialah setiap permohonan perkahwinan bawah umur perlu mendapatkan laporan sosial daripada JKJ, laporan jenayah dan laporan perubatan.

"Pemohon akan dirujuk terlebih dahulu kepada pihak terbabit untuk sesi temu bual dan seterusnya laporan diberikan kepada Mahkamah Syariah dalam usaha membantu hakim untuk memutuskan kebenaran berkahwin diberikan atau tidak.

"Pada masa sama, had usia perkahwinan di Selangor dinaikkan kepada 18 tahun sudah diluluskan dan akan dikuatkuasakan. Perubahan dilaksanakan ini bukan bertujuan tidak membenarkan pasangan berkahwin pada usia muda, sebaliknya memastikan kebajikan kanak-kanak terbabit dijaga, selain tidak wujud paksaan untuk bernikah," katanya.



Menurut Imam Syafie, hukum harus berkahwin untuk seseorang yang mampu, tetapi tidak mahu berkahwin. Dalam konteks kanak-kanak, mereka tidak mampu fizikal dan kewangan, maka tidak harus berkahwin"

Noor Aziah Mohd Awal,
Profesor Fakulti Undang-Undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia
(UKM)